

Perjanjian Penggunaan Sistem ForexCopy.

Perjanjian Pihak Ketiga (dirujuk sebagai "Perjanjian") dibuat oleh dan diantara Kumpulan InstaForex (dirujuk sebagai "Syarikat"); pelanggan InstaForex yang berniat atau andainya ingin menyalin dagangan pedagang Syarikat secara dalam talian dengan tujuan untuk mendapatkan manfaat serta memahami dengan jelas semua risiko-risiko kewangan (dirujuk sebagai "Pengikut"); dan pelanggan syarikat InstaForex yang berkeinginan bagi membenarkan Pengikut untuk menyalin dagangan mereka (dirujuk sebagai "Pedagang").

1. Definisi

"Syarikat" bermaksud Kumpulan Syarikat InstaForex menyediakan platform dagangan InstaTrader dan sistem pembayaran diantara Pengikut dan Pedagang (seterusnya dirujuk sebagai "sistem ForexCopy").

"Pedagang" bermaksud pelanggan Syarikat yang berdaftar didalam sistem ForexCopy sebagai Pedagang bagi tujuan ataupun dengan niat untuk menikmati salinan dagangannya juga untuk menguruskan akaun mereka bagi pihak dirinya dan Pengikut yang menggunakan sistem InstaCopy untuk menyalin dagangannya.

"Pengikut" bermaksud bahawa pelanggan Syarikat yang berdaftar didalam sistem ForexCopy sebagai Pengikut bagi tujuan atau dengan niat untuk menyalin dagangan daripada sebarang Dagangan yang berdaftar didalam sistem ForexCopy.

"Pemantauan" bermakna halaman tertentu pada laman web Syarikat yang menyediakan maklumat mengenai Pedagang dan boleh didapati kedua-duanya kepada umum pada laman web Syarikat dan di bahagian ForexCopy daripada Kabinet Pedagang dan Kabinet Pengikut.

2. Peruntukkan Am

1. Penerangan mengenai sistem ForexCopy

Sistem ForexCopy merupakan produk perisian yang dibangunkan dan dimiliki oleh Syarikat dan direka secara teknikalnya untuk melaksanakan dan mengautomatiskan semua proses menyalin diantara akaun dagangan dengan Syarikat. Sistem ForexCopy menyediakan proses secara automatik seperti berikut:

1. Pendaftaran Pengikut didalam sistem ForexCopy;
2. Pendaftaran Pedagang didalam sistem ForexCopy;
3. Langganan kepada akaun Pedagang bagi tujuan menyalin dan pelaksanaan pesanan berikutnya pada akaun Pengikut.
4. Pengiraan komisen yang perlu di bayar oleh Pengikut kepada Pedagang bagi salinan dan dagangan keuntungan yang dilaksanakan;
5. Pengiraan komisen setiap langganan akan dibayar oleh Pengikut kepada Pedagang;
6. Komisen dikreditkan ke akaun Pedagang;
7. Pelarasan oleh Pedagang terma penyalinan untuk menyalin dagangan;
8. Pelarasan oleh Pengikut parameter langganan untuk menyalin dagangan;
9. Kemaskini maklumat mengenai akaun Pedagang dan dipaparkan didalam Kabinet Pengikut.
2. Sistem ForexCopy boleh didapati kepada para pelanggan Syarikat didalam Kabinet selepas pelanggan mendaftar dengan sistem ForexCopy sebagai Pengikut atau Pedagang. Artikel 6 menyediakan peraturan teknikal pada sistem ForexCopy.
3. Sistem ForexCopy menunjukkan kemungkinan risiko yang berkait kepada kedua-dua dagangan Forex yang dilakukan oleh Pedagang dan disalin oleh Pengikut dan kemungkinan kekurangan teknikal disebabkan oleh kelemahan platform dagangan atau sistem ForexCopy.

3. Hak dan Tanggungjawab Syarikat.

Perjanjian semasa menerangkan hak dan tanggungjawab Syarikat tambahan kepada hak dan tanggungjawab yang diwujudkan oleh Perjanjian Tawaran Awam diterima pada pendaftaran akaun dagangan pelanggan. Menerangkan bahawa pelayan Syarikat berfungsi dengan baik, Syarikat perlu memenuhi semua tanggungjawab yang dinyatakan disini.

1. Salinan Dagangan

Syarikat perlu merekodkan permintaan Pengikut untuk menyalin dagangan daripada akaun Pedagang dan mula menyalin dagangan daripada akaun Pedagang kepada akaun Pengikut didalam masa 30 minit selepas permintaan tersebut diterima oleh Pedagang.

Syarikat perlu menyalin dagangan daripada akaun Pedagang kepada akaun Pengikut didalam waktu nyata dengan kelewatan maksimum selama 2 minit.

Pesanan yang kekal dibuka kurang daripada dua minit mungkin gagal untuk disalin daripada akaun Pedagang kepada akaun Pengikut.

Jika Pedagang ForexCopy mengubah tetapan Stop Loss atau Take Profit pada dagangan yang terbuka, If a ForexCopy Trader changes the Stop Loss or Take Profit settings of the open trade, apa-apa perubahan yang dinyatakan di atas boleh dilaraskan untuk disalin oleh dagangan Pengikut ForexCopy dengan kelewatan yang sesuai, dimana secara purata adalah sehingga 1-2 minit. Pelanggan secara muktamad bersetuju dengan akibat yang berkemungkinan terhadap perubahan yang dibenarkan ini.

2. Rekod keuntungan dan kerugian

Selepas Pedagang telah menerima permintaan untuk menyalin dagangannya dan mula berdagang, Syarikat perlu merekodkan keuntungan dan kerugian secara berkala daripada dagangan yang dibuka oleh Pedagang dan dagangan tersebut disalin kepada akaun Pelanggan. Rekod tersebut perlu disediakan setiap satu jam dan hasilnya boleh didapati didalam Kabinet Pelanggan dan Kabinet Pedagang.

3. Membatalkan langganan untuk menyalin dagangan

Jika Pengikut atau Pedagang telah memohon untuk tidak melanggan daripada menyalin dagangan, Syarikat perlu memproses permintaan tersebut didalam tempoh masa 30 minit. Keuntungan yang ingin dibayar kepada Pengikut mungkin berbeza daripada keuntungan yang ditunjukkan didalam Kabinet Pelanggan pada permohonan pembatalan, termasuk kes dimana apabila Pedagang mengalami kerugian dan dagangannya telah pun ditutup pada stop-out pada ketika kemaskini maklumat.

4. Melindungi dana Pengikut daripada pengeluaran Pedagang

Syarikat menjamin bahawa Pedagang tidak boleh untuk melakukan sebarang pengeluaran wang daripada akaun Pengikut ketika tempoh langganan. Selain itu, Pedagang tidak boleh untuk mengeluarkan sebarang bahagian daripada dananya yang diperlukan untuk membuka margin dagangan.

5. Menyediakan maklumat perhubungan

Syarikat perlu memastikan bahawa maklumat perhubungan Pedagang (email dan nombor telefon) boleh didapati di akses umum pada halaman pemantauan akaunya. Maklumat yang disediakan boleh digunakan untuk menghubungi Pedagang.

Syarikat perlu memastikan maklumat perhubungan Pengikut (email dan nombor telefon) boleh didapati kepada Pedagang yang dagangannya disalin. Maklumat boleh didapati kepada Pedagang selepas Pengikut memohon untuk menyalin dagangan yang telah pun diterima oleh Pedagang.

6. Pedagang mengiktiraf hak Syarikat untuk membatalkan, sebahagian atau keseluruhan, sebarang keuntungan yang diperoleh oleh Pedagang didalam sistem ForexCopy jika Syarikat mendapati bahawa Pedagang telah pun melakukan fitnah terhadap watak Syarikat didalam sebarang bentuk komunikasi, termasuk tanpa had email, mesej dalaman kepada Pengikut, penjelasan projek ForexCopy pada halaman pemantauan dan rangkaian sosial, sebagainya.
7. Syarikat berhak untuk mengubah dengan keputusan ex parte sebarang maklumat mengenai Pedagang jika Syarikat mendapati bahawa Pedagang dengan sengaja menyediakan maklumat secara penuh atau sebahagian yang serupa atau perjanjian kepada maklumat disediakan oleh Pedagang lain dan boleh menipu Pengikut. Didalam beberapa kes aktiviti Pedagang didalam sistem ForexCopy mungkin boleh terbatal.
8. Memastikan pengkreditan komisen kepada Pedagang diatas penyalinan semula dagangannya. Jika Pedagang 2 menyalin urusniaga daripada Pedagang 1 dan menjualnya kepada Pengikut 3, Pedagang 1 dibayar oleh Pedagang 2 10% daripada komisen yang dibayar oleh Pengikut 3 kepada Pedagang 2. Komisen dikreditkan mengikut Perenggan 6.9.
9. Memastikan melanggan pada syarat-syarat yang dipilih oleh Pengikut Pedagang disalin daripada akaun Pedagang's kepada akaun Pengikut's dengan syarat-syarat yang ditentukan oleh Pedagang didalam set yang dipilih oleh Pengikut. Salinan syarat-syarat tersebut disimpan bagi langganan tertentu apabila Pengikut melanggan kepada Pedagang. Jika Pedagang mengubah terma-terma salinan tersebut, syarat-syarat yang baru akan diguna pakai hanya kepada langganan baru.

4. Hak dan Tanggungjawab Pengikut

Perjanjian semasa menyediakan had dan tanggungjawab Pengikut dengan tambahan kepada had dan tanggungjawab yang disediakan oleh Perjanjian Tawaran Awam yang diterima pada pendaftaran akaun dagangan pelanggan. Pengikut boleh menikmati hak setakat yang dibolehkan oleh perisian Syarikat. Jika terdapat masalah teknikal dan/atau kegagalan perisian, Syarikat mungkin tidak dapat memastikan pemantauan secara penuh kepada hak Pengikut.

1. Akaun Risiko

Pengikut mengakui dan mengandaikan semua risiko yang disediakan didalam Artikel 7. Pengikut memahami bahawa pendedahan risiko mungkin tidak mengandungi maklumat penuh mengenai risiko yang berkemungkinan dan mengandaikan semua risiko kebiasaanya disebabkan oleh Syarikat atau pihak ketiga.

2. Akaun peraturan tenikal terhadap sistem ForexCopy

Pengikut mengakui dan menerima peraturan teknikal sistem ForexCopy yang diterangkan didalam Artikel 6 dan sebarang risiko yang berkaitan dengannya.

3. Akaun status Syarikat dibawah

Pengikut mengakui bahawa dibawah Perjanjian semasa Syarikat perlu menyediakan pelaksanaan teknikal pada sistem ForexCopy menolak sebarang tanggungjawab terhadap keputusan dagangan pada akaun Pedagang.

4. Hubungi Pedagang pada pengurusan akaun

Pengikut boleh menghubungi Pedagang secara terus terhadap sebarang isu berkenaan pengurusan akaun Pedagang menggunakan maklumat perhubungan yang disediakan selaras dengan Perenggan 3.5 jika sebarang terma-terma salinan tidak diterangkan dengan jelas oleh Pedagang didalam sistem ForexCopy.

5. Menyalin dagangan daripada akaun Pedagang

Pengikut boleh memohon untuk menyalin dagangan daripada akaun Pedagang yang diinginkan didalam Kabinet Pengikut. Permohonan untuk menyalin dagangan tidak menjamin bahawa ianya akan diterima oleh Pedagang. Proses menyalin bermula dalam waktu 30 minit selepas permohonan diterima oleh Pedagang. Bilangan akaun untuk menyalin dagangan daripadanya adalah tidak terhad.

6. Akses kepada statistik pada akaun Pedagang

Pengikut boleh mendapat akses secara percuma kepada statistik baki, ekuiti dan keuntungan pada akaun Pedagang yang dikemaskini secara berkala (setiap satu jam kebiasaannya). Dengan menggunakan maklumat ini, Pengikut boleh mengambil keputusan untuk membatalkan langganan untuk menyalin dagangan Pedagang; walaubagaimanapun, Pengikut perlu berhati-hati terhadap kemungkinan kelewatan didalam kemaskini maklumat yang tidak melebihi satu jam kebiasaannya.

7. Menutup dagangan pada akaun Pengikut

Dagangan pada akaun Pengikut boleh ditutup didalam waktu nyata diikuti oleh penutupan akaun Pedagang atau secara automatiknya berdasarkan Perenggan 6.13. Selain itu, platform InstaTrader membolehkan Pengikut untuk menutup salinan dagangan mengikut budi bicara mereka.

8. Pembatalan langganan

Penyalinan dagangan terbatal sekiranya:

1. Pedagang atau Pengikut telah memohon untuk membatalkan langganan;
2. Pengikut kekurangan dana didalam akaun;
3. Pengikut kekurangan dana didalam akaun untuk membayar komisyen kepada Pedagang.

5. Hak dan tanggungjawab Pedagang

Perjanjian semasa menyediakan had dan tanggungjawab Pedagang dengan tambahan kepada hak dan tanggungjawab yang disediakan oleh Perjanjian Tawaran Awam yang diterimapada pendaftaran akaun dagangan pelanggan. Pedagang boleh menikmati hak setakat yang dibolehkan oleh perisian Syarikat. Jika terdapat masalah teknikal dan/atau kegagalan perisian, Syarikat mungkin tidak dapat memastikan pemantauan secara penuh kepada hak Pedagang.

1. Akaun Risiko

Pedagang mengakui dan mengandaikan semua risiko yang disediakan didalam Artikel 7. Pedagang memahami bahawa pendedahan risiko mungkin tidak mengandungi maklumat penuh mengenai risiko yang berkemungkinan dan mengandaikan semua risiko kebiasaannya disebabkan oleh Syarikat atau pihak ketiga. Pedagang mengakui tanggungjawabnya terhadap sebarang kerugian yang dialami oleh diri mereka atau Pengikut mereka akibat daripada dagangan Forex mereka.

2. Akaun peraturan tenikal terhadap sistem ForexCopy

Pedagang mengakui dan menerima peraturan teknikal sistem ForexCopy yang diterangkan didalam Artikel 6 dan sebarang risiko yang berkaitan dengannya.

3. Akaun status Syarikat dibawah

Pedagang mengakui bahawa dibawah Perjanjian semasa Syarikat perlu menyediakan pelaksanaan teknikal pada sistem ForexCopy menolak sebarang tanggungjawab terhadap keputusan dagangan pada akaun Pedagang. Syarikat tidak akan menjadi ketua atau penama bagi sebarang dagangan dan/atau keuntungan Pedagang.

4. Hubungi Pengikut pada pengurusan akaun

Pedagang boleh menghubungi Pengikut secara terus terhadap sebarang isu berkenaan pengurusan akaun Pedagang menggunakan maklumat perhubungan yang disediakan selaras dengan Perenggan 3.5 jika sebarang terma-terma salinan tidak diterangkan dengan jelas oleh Pedagang didalam sistem ForexCopy. Pedagang perlu membalas sebarang pertanyaan kepada Pengikut didalam masa 72 jam didalam tempoh langganan dan 30 hari selepas langganan dibatalkan.

5. Maklumat didalam Pemantauan

Selepas Pedagang mendaftar didalam sistem ForexCopy, akaun mereka secara automatik akan ditambah kepada Pemantauan yang boleh didapati kepada umum pada laman web Syarikat dan Kabinet Pelanggan. Pengikut boleh menggunakan Pemantauan untuk mencari Pedagang yang sesuai.

6. Penerimaan permintaan Pengikut untuk menyalin dagangan

Selepas Pedagang mendaftar didalam sistem ForexCopy, beliau perlu menerima permintaan Pengikut untuk menyalin dagangan. Pedagang mempunyai hak untuk menolak permintaan pada sebarang waktu. Namun, jika Pengikut mengalami kerugian selepas menyalin dagangan, Pedagang tidak boleh membatalkan langganan Pengikut oleh keputusan ex parte.

7. Pembatalan pada langganan untuk menyalin dagangan didalam sistem ForexCopy

Langganan untuk menyalin dagangan didalam sitem ForexCopy terbatal jika:

1. Pedagang membatalkan langganan dengan klik The Trader cancels subscription by clicking "Berhenti melanggan" didalam Kabinet Pedagang;
2. Pengikut membatalkan langganan dengan klik "Berhenti melanggan" didalam kabinet Pengikut;
3. Akaun pengikut tidak cukup untuk membayar komisen kepada Pedagang;
4. Syarikat membatalkan langganan selepas Pengikut atau Pedagang telah menghantar permohonan pembatalan kepada Jabatan Sokongan;

Jika Pengikut mengalami kerugian daripada dagangan yang disalin, Pedagang tidak boleh berhenti melanggan Pengikut oleh keputusan ex parte.

8. Ganjaran Komisen kepada Pedagang

Jika Pengikut telah menerima keuntungan daripada dagangan yang disalin didalam tempoh langganan, komisen yang dinyatakan didalam Artikel 6 perlu dikreditkan kepada akaun Pedagang atau akaun lain, jika dinyatakan, menurut kepada Perenggan 6.9.

6. Peraturan teknikal pada sistem ForexCopy

1. Peraturan teknikal pada sistem ForexCopy menerangkan beberapa proses automatik dan tempoh waktunya. Pedagang dan Pengikut mengakui dan mengandaikan sebarang masalah teknikal terhadap proses yang diterangkan disini adalah disebabkan masalah teknikal/atau kegagalan perisian.
2. Peraturan teknikal pada sistem ForexCopy terguna pakai didalam proses yang berikut:
 1. Pendaftaran Pengikut dan Pedagang didalam sistem ForexCopy didalam Kabinet Pelanggan Syarikat;
 2. Penyimpanan maklumat perhubungan Pedagang dan Pengikut. Maklumat boleh digunakan bagi komunikasi pihak tersebut kepada Perjanjian semasa;
 3. Pengikut memohon untuk menyalin dagangan;
 4. Pedagang menerima atau menolak permohonan Pengikut;
 5. Rekod salinan dagangan oleh Pengikut daripada akaun Pedagang;
 6. Rekod pasangan matawang didalam dagangan untuk disalin oleh Pengikut;
 7. Rekod komisen untuk setiap dagangan yang menguntungkan yang perlu dibayar oleh Pengikut kepada Pedagang;
 8. Rekod komisen setiap 0.01 lot untuk setiap dagangan yang menguntungkan perlu dibayar oleh Pengikut kepada Pedagang;
 9. Rekod perkongsian keuntungan perlu dibayar oleh Pengikut kepada Pedagang;
 10. Rekod komisen harian perlu dibayar oleh Pengikut kepada Pedagang setiap harga tidak termasuk cuti mingguan dan hari cuti Forex;
 11. Dagangan salinan secara dalam talian kepada akaun Pengikut daripada akaun Pedagang;
 12. Pengikut memohon untuk membatalkan langganan;
 13. Pedagang memohon untuk membatalkan langganan;
 14. Pembatalan salinan dagangan daripada akaun Pedagang kepada akaun Pengikut;
 15. Menyediakan setiap Pengikut akses kepada statistik sistem ForexCopy didalam senario pemantauan dan maklumat pada akaun Pedagang;
 16. Penutupan dagangan secara automatik pada akaun Pengikut.
3. Pendaftaran
 1. Pendaftaran Pengikut

Selepas Pelanggan telah menerima Perjanjian semasa didalam Kabinet Pelanggan Syarikat, beliau telah berdaftar dengan sistem ForexCopy sebagai Pengikut. Pada pendaftaran, Pengikut perlu menyediakan maklumat perhubungan (email, nombor telefon dan web messenger) yang boleh didapati kepada para Pedagang yang mendagangkan salinan Pengikut. Pengikut boleh mengubah maklumat perhubungan pada bila-bila masa sahaja. Kabinet Pengikut boleh didapati kepada para Pengikut didalam Kabinet Pelanggan Syarikat selepas Pengikut selesai melengkapkan pendaftaran.

2. Pendaftaran Pedagang

Selepas pelanggan telah menerima Perjanjian semasa didalam Kabinet Pelanggan Syarikat, beliau telah berdaftar dengan sistem ForexCopy sebagai Pedagang. Pada pendaftaran, Pedagang perlu menyediakan maklumat perhubungan (email, nombor telefon dan web messenger) yang boleh didapati kepada para Pengikut yang menyalin dagangan daripada

akaun Pedagang. Pedagang boleh mengubah maklumat perhubungan pada bila-bila masa sahaja. Ketika pendaftaran, Pedagang boleh menetapkan jumlah komisen yang akan dikreditkan kepada akaun Pedagang daripada akaun Pengikut untuk setiap kali penutupan dagangan yang menguntungkan yang disalin daripada Pengikut, dan komisen akan dikreditkan daripada akaun Pengikut setiap kali hari langganan kecuali pada hari cuti Forex. Kabinet Pedagang boleh didapati kepada para Pedagang didalam Kabinet Pelanggan Syarikat selepas Pedagang melengkapkan pendaftaran.

4. Permohonan Pengikut untuk menyalin dagangan

Pengikut perlu memohon untuk menyalin dagangan daripada Pedagang didalam Kabinet Pelanggan dengan memilih Pedagang didalam senarai pemantauan. Jika Pedagang telah menerima permohonan tersebut, sistem akan mula menyalin dagangan secara dalam talian didalam tempoh 30 minit selepas penerimaan. Jika Pedagang menolak permohonan tersebut, sistem tidak akan mula menyalin dagangan kepada akaun Pengikut.

5. Penerimaan Pedagang terhadap permohonan untuk menyalin dagangan

Permohonan baru untuk menyalin dagangan boleh didapati kepada Pedagang didalam Kabinet Pedagang. Pedagang boleh menerima atau menolak sebarang permintaan dengan memilih pilihan yang sepadan didalam Kabinet Pedagang didalam tempoh 72 jam selepas penerimaan tersebut diterima. Jika pedagang tidak mengendahkan permintaan tersebut, ianya akan terbatal secara automatik dalam tempoh masa 72 jam selepas permintaan tersebut diterima.

6. Mula menyalin dagangan ke akaun Pengikut

Selepas Pedagang menerima permohonan untuk menyalin dagangannya ke akaun Pengikut, sistem akan mula menyalin dagangan secara dalam talian dalam tempoh masa 30 minit.

7. Pembatalan salinan dagangan ke akaun Pengikut

Selepas Pengikut berhenti melanggan daripada menyalin dagangan, sistem akan membatalkan proses salinan dalam tempoh masa 30 minit.

8. Kemaskini maklumat mengenai keuntungan Pedagang dan Pengikut

Maklumat mengenai keuntungan Pedagang dan Pengikut boleh dikemaskini secara berkala. Maklumat tersebut boleh didapati didalam Kabinet Pedagang dan Kabinet Pengikut.

9. Pengkreditan komisen ke akaun Pedagang

Pengiraan dan pengkreditan komisen ke akaun Pedagang adalah automatik secara penuh. Selepas langganan tersebut dibatalkan dan jika Pengikut menerima keuntungan, komisen bagi setiap dagangan, komisen setiap 0.01 lot dan perkongsian keuntungan boleh dikeluarkan daripada akaun Pengikut dan dikreditkan ke akaun Pedagang. Komisen dikira berdasarkan hasil dagangan (jumlah keuntungan dan jumlah kerugian) yang diperolehi didalam tempoh langganan kepada pedagang ForexCopy. Komisen harian boleh dikeluarkan daripada akaun Pengikut dan dikreditkan ke akaun Pedagang pada setiap hari kecuali pada hari cuti Forex.

10. Penambahan wang pada akaun Pedagang

Pedagang boleh menambah wang ke dalam akaun dagangan mereka dengan prosedur penambahan biasa didalam kawasan yang selamat dalam laman web Syarikat. Wang yang didepositkan akan dikreditkan ke dalam akaun Pedagang selepas Syarikat menerima wang tersebut.

11. Penambahan wang pada akaun Pengikut

Pengikut boleh menambah wang ke dalam akaun dagangan mereka dengan prosedur penambahan biasa didalam kawasan yang selamat dalam laman web Syarikat. Wang yang didepositkan akan dikreditkan ke dalam akaun Pengikut selepas Syarikat menerima wang tersebut.

12. Akses kepada statistik ForexCopy

Statistik ForexCopy termasuk:

1. Pemantauan akaun didalam Kabinet Pelanggan Syarikat. Halaman pemantauan mungkin mempunyai persamaan pada laman web Syarikat dan/atau laman web rakan niaga rasmi Syarikat;
2. Maklumat baki dan ekuti direkodkan dengan maklumat terkini;
3. salinan semasa daripada akaun Pedagang dan sejarah langganan;

Statistik ForexCopy yang disediakan oleh Syarikat direka bagi membolehkan Pengikut untuk memantau aktiviti Pedagang. Walaubagaimanapun, Pedagang dan Pengikut perlu berhati-hati terhadap kemungkinan kelewatan didalam kemaskini statistik yang tidak melebihi 1-2 jam kebiasaannya.

13. Penutupan secara automatik pada akaun Pengikut.

1. Jika Pengikut kekurangan wang didalam akaun untuk menyalin dagangan, dagangan semasa yang disalin perlu ditutup pada

akaun Pengikut pada harga semasa. Dagangan tersebut tidak boleh ditutup jika pilihan "Dagangan tersebut dibuka jika anda kekurangan wang untuk membuka dagangan baru" dibolehkan didalam Kabinet Pelanggan.

2. Jika Pengikut kekurangan wang untuk membayar komisyen kepada Pedagang, salinan dagangan semasa pada akaun Pengikut perlu ditutup pada harga semasa.

14. Jika akaun Pedagang dan akaun Pengikut didaftarkan dibawah nama dan orang sama atau entiti undang-undang atau saudara terdekat, salinan dagangan diantara akaun tersebut adalah dilarang jika komisyen setiap lot yang didagangkan ditetapkan.
15. Dagangan yang sebahagiannya ditutup oleh dagangan yang berlawanan tidak disalin kepada akaun Pengikut.
16. Untuk pengikut ForexCopy yang juga memiliki status pedagang PAMM, langganan akan terbatal sekiranya jumlah komisen yang dibayar melebihi jumlah dana peribadi sekurang-kurangnya 5%.

7. Risiko Pendedahan Penyata

1. Dengan berdaftar didalam sistem ForexCopy, Pedagang dan Pengikut mengakui dan menerima Risiko Pendedahan Penyata semasa.
2. Pengikut memahami dengan jelas risiko terhadap kerugian penuh akibat kegagalan dagangan pada akaun Pedagang.
3. Pengikut memahami dengan jelas bahawa sebarang maklumat yang disediakan didalam statistik ForexCopy seperti yang ditetapkan didalam Perenggan 6.12 mungkin berbeza daripada maklumat terkini. Khususnya, Pedagang mungkin mengalami kerugian yang teruk apabila statistik tidak dikemaskini lagi. Kelewatan didalam kemaskini baki, ekuiti dan maklumat lain tidak boleh melebihi 1-2 jam kebiasaanya.
4. Pengikut mengakui dan menerima semua risiko yang berkaitan terhadap kelewatan didalam kemaskini statistik terhadap keuntungan, baki dan ekuiti. Pengikut memahami bahawa maklumat yang disediakan didalam Kabinet Pelanggan mungkin berbeza daripada maklumat yang digunakan untuk mengira keuntungan yang diterima oleh Pengikut daripada salinan dagangan.
5. Pengikut dan Pedagang mengakui dan menerima semua risiko yang berkaitan terhadap kelewatan didalam pemprosesan sistem permintaan yang mungkin melebihi 15 minit. Jika ianya disebabkan masalah teknikal Syarikat, Syarikat tidak menjamin penerimaan tepat pada masanya atau pembatalan langganan dan kemaskini pada statistik ForexCopy. Pengikut dan Pedagang mengakui dan menerima semua risiko yang berkaitan dengan kelewatan didalam pemprosesan permintaan oleh sistem ForexCopy yang mungkin menyebabkan kerugian terhadap Pedagang atau Pengikut.

8. Tuntutan dan Pertikaian

1. Pengikut dan Pedagang perlu menyelesaikan sebarang tuntutan atau pertikaian tberkaitan kepada peraturan teknikal sistem ForexCopy secara komunikasi email dengan Syarikat dan perlu hendaklah mengekalkan kerahsiaan semua maklumat yang berkaitan dengan tuntutan atau pertikaian sebelum ianya diselesaikan.
2. Syarikat perlu mengambilkira semua tuntutan atau pertikaian yang berkaitan kepada fungsi sistem ForexCopy didalam 30 hari selepas ianya telah diterima. Syarikat tidak akan mengambil kira semua tuntutan atau pertikaian berkaitan kepada kerugian disebabkan oleh aktiviti Pedagang pada pasaran Forex.
3. Semua tuntutan dan pertikaian perlulah tertakluk kepada Perjanjian semasa dan peraturan terhadap sebab jika sebarang aspek pada sistem ForexCopy adalah tidak cukup dinyatakan disini.

9. Bahasa.

1. Bahasa pada Perjanjian semasa adalah Bahasa Inggeris.
2. Bagi tujuan kemudahan para pelanggan, Syarikat boleh menyediakan versi Perjanjian didalam bahasa yang berbeza daripada Bahasa Inggeris. Versi terjemahan Perjanjian adalah bagi tujuan maklumat semata-mata.
3. Jika terdapat pelbagai bacaan terhadap bersi terjemahan dan Perjanjuan semasa didalam Bahasa Inggeris,